



Ruj Kami : JPNJ.600-11/1/9 ( 27 )

Tarikh : 22 April 2024

**Pegawai Pendidikan Daerah**

**Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Johor**

Tuan,

**SESI TAKLIMAT PELAKSANAAN PROGRAM ISKANDAR MALAYSIA ECOLIFE CHALLENGE 2024 (IMELC 2024)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Iskandar Malaysia Ecolife Challenge (IMELC) merupakan projek berimpak tinggi yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ), Iskandar Regional Development Authority (IRDA) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sejak dari tahun 2013. Pelaksanaan IMELC bagi tahun 2024 adalah dengan kerjasama antara Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), SWM Environment Sdn. Bhd., dan Ranhill SAJ Sdn. Bhd. yang bertindak sebagai Rakan Utama manakala Majlis Perbandaran Segamat dan Heng Hiap Industries selaku Rakan Sokongan. IMELC 2024 turut mendapat sokongan dari Yayasan Hasanah dan UNICEF.

3. Program ini merupakan satu daripada program inisiatif utama dalam **Pendidikan Holistik 2.0 : Pendidikan Kelestarian** JPN Johor dengan matlamat untuk memberikan kesedaran dan pendidikan alam sekitar kepada pelajar sekolah-sekolah rendah di negeri Johor berdasarkan kepada Pelan Tindakan Pendidikan Kelestarian Johor (PTPKJ) 2019 – 2025 yang mengandungi panduan pentadbiran dan pengurusan aktiviti serta program kelestarian yang menerapkan elemen STEM dan PAK21 dalam usaha membudayakan pemeliharaan alam sekitar serta menghakapayakan potensi pelajar.

4. Sehubungan itu, kerjasama tuan dipohon untuk memanjangkan hal ini kepada semua sekolah rendah di bawah PPD masing-masing. Pihak sekolah perlu melantik seorang guru **Penyelaras IMELC** bagi melancarkan pelaksanaan program ini di sekolah masing-masing. Setiap penyelaras perlu:

- Mempunyai akaun di laman sesawang IMELC <https://www.imelc.my/>
- Menyertai *Telegram Channel* IMELC <https://t.me/IMELCJohor> dan *Telegram Group Helpdesk* IMELC <https://bit.ly/helpdeskIMELC>
- Mengikuti sesi **Taklimat Pelaksanaan Program IMELC 2024** yang akan berlangsung secara dalam talian seperti ketetapan berikut :

**Tarikh : 6 Mei 2024 (Isnin)**

**Masa : 11.00 pagi – 1.00 petang**

**Platform : 1. FB Live : RCE Iskandar**

**<https://www.facebook.com/sustainablelerceiskandar>**

**2. Youtube Live : JSMPR WEBINAR**

...2/-

JPNJ.600-11/1/9 ( 27 )

Penyertaan penyelarasan program ini akan direkodkan menerusi link pendaftaran yang akan diberikan semasa taklimat berlangsung.

5. Guru Besar juga diminta untuk memantau pelaksanaan program-program IMELC 2024 sekolah-sekolah terlibat sepanjang program ini berlangsung. Maklumat lanjut berkaitan program ini juga boleh dirujuk pada lampiran peraturan dan syarat pertandingan yang disertakan.

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi **Dr. Mohd Munir bin Haji Baharom**, Penolong Pengarah Sains dan Matematik di talian **07-231 0000 samb. 1154** atau **Dr Zayd Yap Soon Li**, Penolong Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi di talian **07-231 0000 samb. 1152**.

Segala kerjasama dan perhatian tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(HISHAM)BIN ABDUL HAMID)  
Sektor Pembelajaran  
b.p.Pengarah Pendidikan Negeri Johor  
Jabatan Pendidikan Negeri Johor

s.k

1. Pegawai Pendidikan Daerah  
Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Johor
2. Guru Besar  
Sekolah-sekolah rendah yang terlibat